

16/01/1997

PM ajak pengusaha IT bina Era Maklumat

Mustapha Omar in Los Angeles

LOS ANGELES, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak pengusaha Amerika Syarikat yang terbabit dalam industri teknologi maklumat (IT) bersama-sama membina jambatan menuju ke Era Maklumat.

Malaysia, kata Perdana Menteri, bersedia menyahut cabaran era itu dengan menyediakan pelbagai kemudahan termasuk melalui projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan digerakkan mulai awal 1998.

"Kami berharap pengusaha negara ini dapat menjadi rakan dalam mencapai matlamat projek itu," katanya kepada lebih 300 pelabur Amerika Syarikat di persidangan mengenai MSC di Universiti California (UCLA), di sini hari ini.

Ucapan Perdana Menteri berkisar mengenai pentingnya MSC kepada Malaysia dan bagaimana pengusaha industri IT Amerika Syarikat boleh membantu negara melaksanakan projek berkenaan.

Dr Mahathir berkata, MSC menawarkan kepada dunia persekitaran mesra alam yang direka khas bagi membolehkan pengusaha dan syarikat bersatu dalam cara baru untuk meraih kekayaan yang ditawarkan oleh Era Maklumat.

"Kami menawarkan MSC kepada dunia dan ia tidak berjaya tanpa sokongan semua pihak," katanya sambil menambah, Malaysia akan menjadi negara perintis kerajaan elektronik yang membabitkan pentadbiran tanpa kertas menggunakan rangkaian multimedia.

Sistem berkenaan akan menghubungkan Putrajaya dengan pusat pentadbiran kerajaan di seluruh negara. Ia akan bermula dengan Jabatan Perdana Menteri sebaik saja berpindah ke Putrajaya pada 1998 dan diikuti kementerian dan agensi lain.

Selain itu, Malaysia juga akan menjadi negara pertama di dunia menggunakan kad pintar pelbagai guna yang boleh digunakan termasuk sebagai kad pengenalan, tandatangan elektronik, urusan kerajaan, perbankan, telefon dan pengangkutan.

"Keselamatannya mungkin agak kritikal tetapi teknologinya sudah ada bagi membolehkan semua perkhidmatan dilakukan berdasarkan satu platform saja," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, aplikasi lain ialah pengenalan sekolah bestari yang mana semua sekolah dihubungkan dengan Internet di samping kemudahan pendidikan jarak jauh yang akan diperkenalkan oleh Universiti Multimedia.

"Universiti Multimedia juga akan menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang membabitkan kerjasama bidang akademik dan korporat, menggunakan pendidikan jarak jauh untuk melahirkan graduan bertaraf dunia.

"Sehubungan itu, saya mempelawa pelajar dan fakulti dari UCLA untuk membantu memajukan universiti berkenaan melalui pertukaran pelajar dan fakulti," katanya.

Dalam sidang akhbarinya sebelum itu, Perdana Menteri berkata isu mengenai cetak rompak akan turut dibincangkan dalam mesyuarat peringkat menteri Asean (AMM) di Kuala Lumpur, tahun ini.

Bagaimanapun, katanya, soal cetak rompak sebenarnya adalah tanggungjawab pihak penguatkuasa dan terpulang kepada mereka untuk melaksanakan langkah penguatkuasaan.

"Tidak mudah bagi kita untuk menghapuskan kegiatan cetak rompak.

Orang ramai kini semakin pandai dan kita tidak dapat halang mereka daripada berbuat demikian. Apa yang penting ialah semua pihak perlu ada rasa tanggungjawab," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata Perbadanan Pembangunan Multimedia

(MDC) akan mula mendaftarkan syarikat yang ingin mendapatkan `status MSC` mulai Mac ini.

Syarikat yang memperolehi status itu layak menikmati insentif kewangan dan kemudahan jaminan jika operasi barunya terletak dalam kawasan ditetapkan, termasuk bandar Siberjaya.

(END)